

Telefon : 261026, 261028, 261029, 265788  
Telex : 80987  
Faks : 262198  
Kawat : CHIEFMIN KOTA KINABALU.

PEJABAT TIMBALAN SETIAUSAHAI  
KERAJAAN NEGERI II  
Jabatan Ketua Menteri  
Tingkat 7, Blok B, Wisma MULIS  
88999 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

Ruj./Ref.: TSKN (Pemb)(JKM)100-34/2

Tarikh/Date: 25 September, 2003

Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu  
Semua Presiden Majlis Perbandaran  
Semua Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Kecil  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PENAMAAN KETUA PEGAWAI MAKLUMAT DAN PENUBUHAN  
JAWATANKUASA ICT DI AGENSI**

Sukacita saya menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan, penggunaan teknologi maklumat telah dan akan terus membawa perubahan besar dalam pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri. Perancangan dan pelaksanaan ICT yang rapi dan selaras adalah amat penting. Justeru itu, penelitian yang mendalam terhadap peranan Agen Galakan IT(AGINT) yang sedia ada telah dilakukan dan didapati ianya perlu dipertingkatkan untuk melaksanakan peranan Ketua Pegawai Maklumat ("Chief Information Officer – CIO"). Sehubungan dengan ini, maka pelantikan AGINT dimansuhkan dan digantikan dengan CIO agensi.

3. Adalah dimaklumkan juga bahawa Majlis Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Negeri yang ke-25 telah memutuskan supaya setiap agensi perlu melantik CIO dan mewujudkan Jawatankuasa ICT agensi masing-masing. Tanggungjawab utama CIO ialah menentukan strategi dan melaksanakan initiatif ICT bagi mencapai visi dan objektif pembangunan dan penggunaan IT di agensi masing-masing. Oleh yang demikian CIO perlulah terdiri dari kalangan pengurusan atasan agensi berkenaan.

4. Secara khususnya, di antara peranan CIO agensi adalah seperti berikut:-

- (a) Menjadi pengrusi jawatankuasa ICT agensi

2/...

- (b) Memimpin dan melibatkan agensi dalam usaha-usaha kerajaan untuk membangun dan melaksanakan projek IT sector awam yang dapat membawa perubahan dalam pengurusan dan pentadbiran Perkhidmatan Awam.
- (c) Bertanggungjawab melantik ahli-ahli jawatankuasa ICT agensi yang terdiri daripada kalangan pegawai/kakitangan bukan teknikal ICT. Selain daripada itu, pegawai teknikal ICT dari Kumpulan Sokongan IT(KSIT) berkenaan haruslah dilantik menganggotai ahli jawatankuasa ICT agensi. Ini bertujuan agar kedua-dua pihak dapat bekerjasama untuk memberi perkhidmatan teknikal ICT yang cekap dan berkesan.
- (d) Mengoptimumkan penggunaan sumber manusia ahli-ahli jawatankuasa. Sebagai contoh, pegawai/kakitangan bukan teknikal ICT boleh dilantik sebagai "webmaster", serta menyelesaikan masalah-masalah operasi komputer biasu. Manakala, pegawai ICT (KSIT) boleh mengfokuskan tugas teknikal seperti pembinaan dan pelaksanaan sistem.

Manakala bidang tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ICT jabatan agensi adalah:

- (a) Menyediakan pelan strategic teknologi maklumat agensi yang mengandungi perancangan penggunaan IT dalam menyokong pencapaian matlamat agensi.
- (b) Memperkemaskin dan menyatupadukan proses-proses yang "cross functional" antara bahagian bagi menghasilkan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.
- (c) Menentukan halatuju system aplikasi agensi bagi mengurangkan masa dan kos pembangunan, penyelenggaraan dan pengoperasian.
- (d) Memelihara integriti data elektronik dan menggalakkan perkongsian maklumat serta menyediakan kaedah bagi penyebaran maklumat secara elektronik kepada pengguna-pengguna yang sah sama ada dalam dan luar agensi.
- (e) Mempromosikan penggunaan IT yang berkesan dan seiringan untuk mencapai matlamat strategic agensi dan bertindak sebagai agen dan perintis perubahan (champion of change).
- (f) Membangun dan mengemaskinikan laman web jabatan.
- (g) Menyelesaikan masalah-masalah teknikal yang berkaitan.

5. Oleh yang demikian, Y. Bhg. Datuk/Tuan/Puan adalah diminta untuk menamakan seorang CIO berdasarkan kepada kriteria berikut :

- (a) CIO sekurang-kurangnya Timbalan Pengarah atau pegawai kanan di agensi berkenaan yang terlibat merancang strategi bisnes dan memutuskan polisi agensi, dan
- (b) CIO mempunyai kefahaman betapa pentingnya ICT sebagai alat strategik untuk merealisasikan matlamat jabatan.


Sukacita kiranya, Y. Bhg. Datuk/Tuan/Puan dapat mengemukakan nama tersebut ke alamat seperti berikut:-

**Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri(Pembangunan)  
Jabatan Ketua Menteri  
Tkt. 9, Blok B, Wisma Muis  
88999 Kota Kinabalu.**

selewat-lewatnya 15 Oktober 2003.

Sekian, terima kasih.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH**



**(DATUK PETER ATHANASIUS)**

**Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)  
Merangkap Ketua Pegawai Maklumat Negeri Sabah**